

KAJIAN KES AJARAN SESAT DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR***A CASE STUDY OF HERETICAL TEACHINGS IN FEDERAL TERRITORY KUALA LUMPUR***Siti Aishah Samudin^{1*}, Amer Basyer Mohd Zaim²¹ Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, sitiaisyah.samudin@um.edu.my.² Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, amerbasyer98@gmail.com.

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 03 Februari 2025

Selepas Pembetulan: 21 April 2025

Diterima untuk terbit: 29 Mei 2025

Abstrak

Kemunculan pelbagai bentuk ajaran sesat yang baru memberikan cabaran kepada pihak penguatkuasa dan pendakwa syarie bagi mengendalikan proses penguatkuasaan dan pendakwaan. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji konsep ajaran sesat dari perspektif Islam dan perundangan jenayah syariah, mengenal pasti isu-isu dan cabaran dalam menguatkuasakan undang-undang berkaitan ajaran sesat, menganalisis kes-kes ajaran sesat khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta mencadangkan pembaharuan yang boleh dilaksanakan mengikut kerangka undang-undang. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes yang memfokuskan kepada isu ajaran sesat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Data dikumpulkan menerusi kaedah temu bual separa berstruktur bersama pegawai penguatkuasa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) yang terlibat secara langsung dalam siasatan dan penguatkuasaan kes ajaran sesat serta menerusi kaedah analisis dokumen terhadap beberapa dokumen dan laporan rasmi daripada pihak JAWI. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik bagi merumuskan dapatan kajian yang selari dengan objektif yang ditetapkan. Hasil kajian mendapati bahawa konsep ajaran sesat merangkumi sebarang fahaman yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah serta turut dirujuk secara kolektif terhadap peruntukan Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 mengenai kesalahan berhubung akidah. Dari aspek penguatkuasaan, kajian menunjukkan terdapat cabaran dihadapi pihak berkuasa termasuklah kekurangan kepakaran dalam penyiasatan dan risikan, kekurangan kelengkapan teknologi, serta kelompongan peruntukan undang-undang sedia ada yang perlu ditambah baik. Analisis kes ajaran sesat seperti kes Millah Abraham dan Ahmadi Religion pula membuktikan bahawa gerakan ini kini lebih mudah tersebar melalui platform digital. Implikasi kajian ini

dilaksanakan agar dapat meneliti aspek penambahbaikan terhadap penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah sedia ada khusus dalam menangani isu ajaran sesat.

Kata kunci

mahkamah syariah, pendakwaan, ajaran sesat, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, isu, cabaran, undang-undang jenayah syariah

Abstract

Cases related to heretical and deviant teaching from Islam are seen to spread more easily in our country. The emergence of various new forms of heresy also presents a challenge to the syariah enforcement and prosecutors to handle the enforcement and prosecution process. This study was conducted to examine the concept of heresy from the perspective of Islam and syariah criminal law, identify issues and challenges in enforcing laws related to heresy, analyze cases of heresy especially in the Federal Territory of Kuala Lumpur and suggest reforms that can be implemented according to the legal framework. The research methodology used in this study is through bibliographic research, documentation study and relevant respondent interviews conducted by the author to realize this study. The results of the study found that cases of heresy take quite a long time to be prosecuted in the sharia court due to several factors. There are also some contemporary issues or challenges such as rapid technological progress, the challenges of cyber investigations and others. The implication of this study is to be able to improve the existing sharia criminal law and it's enforcement.

Keywords

Syariah court, prosecution, heretical teachings, Federal Territory of Kuala Lumpur, issues, challenges, syariah criminal law.

1.0 Pendahuluan

Fenomena kemunculan ajaran sesat bukanlah sesuatu yang baru, bahkan ia merentasi masa, tempat, keadaan dan telah mencemarkan kehidupan beragama individu, masyarakat dan juga negara. Bertitik tolak daripada saat kewujudan umat manusia sejak perutusan Nabi Adam AS, iblis bersumpah sehingga ke hari akhirat untuk menghasut dan mendorong manusia melakukan maksiat supaya menyimpang daripada jalan yang lurus.

Senario ajaran sesat di Malaysia teramat samar untuk diketahui asal usul kemunculannya. Setiap ajaran salah ini datang silih berganti susulan sikap sesetengah masyarakat Islam yang menerima sesuatu ajaran sesat. Antara ajaran sesat yang terawal pernah mengemparkan negara kita pada suatu ketika dahulu adalah kumpulan al-Arqam yang mula dikesan sekitar tahun 1968 (Engku Ahmad Zaki, 2019). Ajaran al-Arqam ini selanjutnya terus berkembang sehinggalah ke tahun 1994 disebar oleh Ashaari Muhammad (juga dikenali sebagai Abuya) dan diteruskan oleh isterinya sekitar tahun 2010 sehinggalah isterinya itu melafazkan taubat pada tahun 2013 (Siti Zubaidah Ismail, 2010).

Malah sehingga ke hari ini, kes-kes ajaran sesat dilihat semakin berleluasa serta memerlukan kepada pemantauan yang lebih tegas daripada pihak berkuasa. Ini selari dengan kenyataan daripada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dr Zulkifli Hasan yang menjelaskan bahawa kerajaan komited dalam membanteras sebarang bentuk ajaran sesat menerusi pemantauan ketat terhadap laman ajaran sesat di samping giat melakukan siasatan ke atas 12 lagi ajaran yang dilihat berisiko menyesatkan akidah umat Islam di negara ini ("Kerajaan siasat 20 ajaran sesat", 2024). Apa yang membimbangkan, terdapat juga data menunjukkan bahawa sebanyak 47 kes pemujaan salah telah berlaku di negara ini dalam tempoh hanya dua tahun sahaja iaitu antara Januari 2020 sehingga Oktober 2021 (Khairil Ahsraf Md Khalid, 2021). Data ini jelas memberikan isyarat bahawa meskipun usaha pembanterasannya terhadap sebarang bentuk ancaman penyelewengan akidah ini telah dilakukan pihak berkuasa, namun mekanisme pembanterasannya perlu dilakukan secara berterusan termasuklah menerusi penambahbaikan terhadap segala dasar dan perundangan berkaitan secara optimum dan komprehensif. Disamping itu, perkembangan teknologi dan internet juga berisiko mendedahkan pengguna media sosial terhadap penyiaran video dan informasi yang palsu serta bercanggah dengan ajaran Islam (Azmah Manaf, 2017). Malah, kesan penyebaran informasi yang menyeleweng akidah umat Islam menerusi platform media sosial ini turut memberikan mudarat yang lebih besar berikutan informasi di internet lazimnya tersebar dengan lebih cepat serta menjadikan penyebarannya agak sukar untuk dikawal (Engku Ahmad Zaki, 2019).

Selain itu, memandangkan fenomena ajaran sesat mahupun isu penyelewengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah masih lagi timbul serta tidak berkesudahan, maka kajian ini dilakukan bagi memberikan gambaran secara mendalam terhadap fenomena ajaran sesat tersebut dalam konteks di negara ini. Dalam hal ini, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dipilih sebagai lokasi kajian berikutan lokasinya sebagai ibu kota yang menjadi tumpuan penduduk serta menyaksikan kemunculan pelbagai bentuk ajaran sesat yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah (Siti Zubaidah Ismail, 2010). Malah sehingga ke hari ini, terdapat sekurang-kurangnya 56 ajaran yang telah difatwakan sebagai sesat di Wilayah Persekutuan berikutan doktrin ajaran yang bercanggah dengan ajaran Islam termasuklah ajaran Ahmadiyah atau Qadiani, ajaran Ayah Pin, ajaran Syiah, ajaran Millah Abraham serta ajaran Hizbut Tahrir (Norafiza Jaafar, 2024). Sehubungan itu, artikel ini membincangkan mengenai beberapa aspek secara tuntas merangkumi perbincangan terhadap konsep ajaran sesat dari perspektif Islam undang-undang, kupasan terhadap isu dan cabaran di peringkat penguatkuasaan di samping melakukan analisis terhadap kes-kes ajaran sesat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

2.0 Tinjauan Literatur

Ajaran sesat merupakan satu fenomena yang membimbangkan di Malaysia di mana penyebarannya turut berleluasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Menerusi penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu, adalah didapati bahawa penulisan berkaitan topik ajaran sesat telah banyak dikupas khususnya berkaitan konsep dan ciri ajaran sesat serta penguatkuasaan perundangan di Malaysia terhadap isu ajaran sesat ini. Oleh itu, kupasan mengenai literatur terdahulu adalah disusun secara sistematik berdasarkan kepada topik dan tema tertentu merangkumi konsep dan ciri ajaran sesat, faktor dan kesan penyebaran ajaran sesat serta penguatkuasaan perundangan di Malaysia dalam mengawal fenomena ajaran sesat di negara ini.

Menurut penulisan terbitan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) (2015), ajaran sesat adalah didefinisikan sebagai kepercayaan atau amalan yang bercanggah dengan prinsip asas Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Menyentuh berkenaan konteks ajaran sesat tersebut, beberapa kajian terdahulu menyatakan bahawa isu penyelewengan akidah merupakan sebahagian daripada bidaah yang haram berikutan ianya adalah bertentangan dengan al-Quran dan al-Hadith (Al-Jauzi 1983; Abdul Hamid & Abdul Haris, 2002; Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2012; MAIS, 2015; Siti Aisyah Samudin & Aisyah Mohd Chabidi, 2023). Menurut kajian Kamaruddin Salleh & Sharafuddin Zainal Ariffin (2021), ajaran sesat lazimnya mempunyai ciri-ciri tertentu seperti kepimpinan karismatik yang mendakwa memiliki keistimewaan tertentu, penafsiran agama yang ekstrem serta pemisahan pengikut ajaran tersebut daripada masyarakat umum. Selanjutnya, Engku Ahmad Zaki (2019) menerusi kajiannya pula telah menghuraikan ciri-ciri ajaran sesat yang terdapat dalam sesebuah ajaran ataupun mazhab sehingga berisiko menyebabkan pengamalannya kehilangan akidah serta boleh menjadi sesat. Ciri-ciri ajaran sesat tersebut termasuklah apabila seorang guru atau individu yang membawa sesebuah ajaran itu mengaku menerima wahyu selepas kewafatan Rasulullah S.A.W. ataupun mengaku bahawa dirinya mahupun gurunya adalah sebagai nabi. Selain itu, penulis turut menjelaskan bahawa perbuatan seperti mengubah ayat dan makna al-Quran juga adalah tergolong sebagai ciri-ciri kepada sesebuah ajaran sesat. Selain itu, Azmah Manaf (2017) pula merumuskan bahawa ajaran sesat sebagai suatu bentuk ajaran atau amalan yang didukung oleh orang Islam mahupun bukan Islam serta ajaran itu adalah sama sekali bercanggah dengan al-Quran, hadith serta bertentangan dengan mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah daripada sudut akidah, fiqah dan juga tasawuf. Sementara itu, Ahmad Hidayat Buang (2011) pula menegaskan bahawa konsep ajaran sesat adalah berkait dengan fatwa ajaran sesat yang diwartakan di sesebuah negeri. Dalam hal ini, fatwa mengenai ajaran sesat yang diwartakan tersebut adalah memberi kesan daripada sudut perundangan. Ini bermakna, segala bentuk amalan ajaran sesat adalah dilarang serta mana-mana individu yang melanggar fatwa yang diwartakan adalah boleh dihukum di bawah undang-undang jenayah syariah.

Selanjutnya, penelitian terhadap literatur terdahulu juga mendapati bahawa terdapat beberapa penulisan berkait dengan ajaran sesat yang mengupas berkenaan faktor serta kesan ajaran sesat (Siti Zubaidah Ismail, 2010; Zahidi Teh et al., 2016; Fathin Shahirah et al., 2018; Mohamed Fathillah et al., 2020; Kamaruddin Salleh & Sharafuddin Zainal Ariffin, 2021). Bagi konteks faktor berlakunya penyebaran ajaran sesat, Kamaruddin Salleh & Sharafuddin Zainal Ariffin (2021) menjelaskan bahawa ia adalah didorong oleh beberapa faktor iaitu termasuklah kelemahan pemahaman agama sehingga menyebabkan masyarakat awam yang cetek ilmu adalah lebih mudah terpengaruh dengan ajaran sesat. Selain itu, pengaruh media sosial juga memainkan peranan penting dalam penyebaran ajaran ini. Ini selaras dengan dapatan kajian Fathin Shahirah et al. (2018) yang mendapati bahawa ajaran sesat pada masa kini adalah semakin berkembang melalui platform digital seperti YouTube, Facebook, dan WhatsApp. Di samping itu, Zahidi Teh et al. (2016) menerusi makalahnya pula menjelaskan bahawa faktor ekonomi dan sosial juga boleh menyebabkan orang awam terdedah dengan ajaran sesat. Ini kerana terdapat dalam kalangan mereka yang

menghadapi tekanan ekonomi dan sosial sehingga cenderung mencari alternatif bagi mendapatkan penawar secara spiritual mahupun material menerusi pengamalan ajaran sesat ini.

Manakala dalam konteks kesan terhadap pengamalan ajaran sesat dalam kalangan masyarakat, adalah dirumuskan bahawa ajaran sesat ini memberikan kesan besar yang bukan sahaja terhadap seseorang individu, tetapi juga berimpak kepada kesejahteraan sosial masyarakat secara keseluruhan. Dalam hal ini, Siti Zubaidah Ismail (2010) menjelaskan bahawa antara kesan yang ketara daripada pengamalan ajaran sesat ialah perpecahan dalam kalangan masyarakat. Di samping itu, kesannya turut dapat menimbulkan konflik dalam keluarga mahupun masyarakat rentetan daripada pegangan ajaran secara ekstrem. Selain itu, pelanggaran undang-undang juga sering berlaku apabila terdapat sesetengah kumpulan ajaran sesat seperti al-Arqam mahupun Ayah Pin yang bertindak mengamalkan ajaran yang telah difatwakan haram (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2012; Mohamed Fathillah et al., 2020). Lebih membimbangkan, sesetengah ajaran sesat turut mengandungi unsur keganasan dan ekstremisme yang berpotensi mengancam keselamatan negara (Siti Zubaidah Ismail, 2010).

Seterusnya daripada sudut penguatkuasaan perundangan, penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu juga telah mendapati bahawa Malaysia pada dasarnya mempunyai mekanisme tertentu bagi menangani penyebaran ajaran sesat (Siti Zubaidah Ismail, 2010; Zahidi Teh et al., 2016). Ini sebagaimana dirujuk berdasarkan kepada peruntukan seperti Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 mahupun enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri yang memperuntukkan mengenai kesalahan-kesalahan berkaitan akidah. Menurut penulisan terbitan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2012), fatwa yang diwartakan mengenai sesuatu ajaran sesat mempunyai kesan perundangan yang mengikat, di mana individu yang melanggar fatwa boleh dikenakan tindakan undang-undang. Di samping itu, kesedaran masyarakat mengenai perundangan berkaitan ajaran sesat turut memainkan peranan penting dalam mengekang penyebarannya. Dalam konteks ini, kajian oleh Mohamed Fathillah et al. (2020) menunjukkan bahawa pemantauan dan tindakan tegas oleh pihak berkuasa agama terhadap ajaran sesat yang dikenalpasti adalah dapat membantu mengurangkan pengaruh ajaran sesat dalam kalangan masyarakat. Selain itu, program dakwah dan pendidikan juga menjadi salah satu pendekatan yang diambil bagi membanteras ajaran sesat sebagaimana dikemukakan oleh Fathin Shahirah et al. (2018) menerusi makalahnya.

Berdasarkan sorotan literatur yang telah dilakukan, adalah didapati bahawa meskipun penulisan terdahulu telah banyak menyentuh berkaitan topik ajaran sesat, namun kupasan khusus berkenaan amalan serta penyebaran kes di ajaran sesat di Wilayah Persekutuan masih belum banyak disentuh. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi kelompongan kajian-kajian terdahulu khususnya bagi merumuskan dapatan daripada kajian lapangan serta analisis kes-kes berkaitan dengan ajaran sesat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

3.0 Metodologi Kajian

Bagi memastikan kajian ini dijalankan melalui proses penyelidikan yang tepat dan berasaskan data yang sahih, beberapa metodologi kajian yang relevan telah digunakan. Kajian ini pada umumnya menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan beberapa kaedah pengumpulan data iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan. Manakala reka bentuk kajian adalah berbentuk kajian kes yang memberi tumpuan kepada isu ajaran sesat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pemilihan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai lokasi kajian adalah berasaskan justifikasi bahawa kawasan ini merupakan ibu negara yang menjadi tumpuan pelbagai lapisan masyarakat serta berdepan dengan cabaran penyebaran fahaman-fahaman menyimpang yang lebih kompleks (Norafiza Jaafar, 2024). Selain itu, pengalaman yang signifikan dimiliki oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dalam mengendalikan isu-isu berkaitan ajaran sesat serta memiliki rekod pengurusan kes ajaran sesat yang rencam menjadikan JAWI sebagai lokasi dan subjek kajian yang relevan. Justeru itu, pemilihan sampel kajian ini adalah difokuskan kepada pegawai-pegawai penguatkuasa di Bahagian Penguatkuasaan JAWI berikutan mereka adalah terlibat secara langsung dalam proses siasatan, risikan serta penguatkuasaan kes-kes ajaran sesat.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan dua instrumen utama, iaitu:

1. Temu bual

Temu bual separa berstruktur telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat secara langsung daripada pegawai yang terlibat dalam siasatan, risikan dan penguatkuasaan kes-kes ajaran sesat di JAWI. Temu bual ini dilaksanakan bagi membolehkan pengkaji memperoleh perspektif lebih mendalam daripada pihak berautoriti mengenai isu, cabaran, dan pendekatan yang digunakan dalam menangani isu ajaran sesat. Menerusi temu bual yang dijalankan, seramai tiga (3) orang responden telah dipilih sebagai peserta kajian serta dikategorikan dengan kod A, B dan C Untuk memastikan kerahsiaan identiti semua peserta kajian adalah dilindungi dan terpelihara. Temu bual telah dijalankan pada 13 dan 15 Jun 2023 bersama dengan peserta kajian. Justeru itu, berikut adalah jadual ringkasan peserta kajian tersebut:

Jadual A: Latarbelakang Peserta Kajian

Informan	Jantina	Jawatan
Peserta Kajian A	Perempuan	Penolong Pegawai Kanan Cawangan Operasi Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI)
Peserta Kajian B	Perempuan	Ketua Pegawai Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI)
Peserta Kajian C	Lelaki	Penolong Pengarah Kanan, Cawangan Siasatan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI)

2. Analisis Dokumen

Selain itu, kaedah analisis dokumen turut digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan dengan ajaran sesat. Dokumen-dokumen yang dianalisis tersebut adalah meliputi sumber-sumber seperti catatan kes, buku-buku fatwa, laporan rasmi penguatkuasaan, rekod kes mahkamah, serta laporan-laporan rasmi dari Bahagian Penguatkuasaan JAWI dan JAIS. Dalam konteks ini, pemilihan dokumen adalah penting kerana ia menjadi sumber rujukan utama yang dapat menunjukkan pola penyebaran ajaran sesat serta bentuk tindakan penguatkuasaan yang lazimnya diambil oleh pihak berkuasa. Dokumen-dokumen ini juga berperanan penting dalam membantu menyokong dapatan temu bual di samping memberikan gambaran lebih mendalam berkaitan tatacara pengendalian serta penguatkuasaan kes ajaran sesat di Malaysia.

Kaedah Analisis Data

Di peringkat analisis data, data yang dikumpulkan menerusi kaedah temu bual dan serta analisis dokumen adalah selanjutnya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik. Kaedah ini digunakan bagi mengenal pasti tema-tema utama daripada data yang dikumpul, di mana data dianalisis secara terbuka tanpa andaian awal. Tema-tema yang terbentuk kemudiannya dikategorikan dan dianalisis untuk merumuskan dapatan yang menjawab objektif kajian. Menerusi penggunaan kaedah tematik ini juga, dapatan kajian selanjutnya disusun secara teratur berdasarkan kepada pola yang muncul daripada data lapangan dan dokumen-dokumen sokongan tersebut.

4.0 Dapatan dan Perbincangan Kajian

Berdasarkan data-data yang telah dianalisis daripada hasil dokumentasi, temubual serta kajian terhadap kes-kes terpilih, pengkaji selanjutnya merumuskan dapatan perbincangan secara sistematik berdasarkan kepada objektif kajian yang telah digariskan sebagaimana berikut:

4.1 Konsep ajaran sesat dari perspektif Islam dan perundangan syariah

Ajaran sesat merupakan istilah kepada ajaran salah yang menyalahi dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Mana-mana ajaran yang bertentangan dengan akidah yang sahih diistilahkan sebagai ajaran sesat. (Majlis Agama Islam Selangor, 2015).

Menurut al-Quran, istilah sesat diungkapkan oleh Allah S.W.T dalam beberapa perkataan Arab yang berlainan tetapi istilah ini merujuk kepada konotasi makna yang sama iaitu sesat, salah dan menyeleweng daripada kebenaran. Hal ini disokong dengan adanya lebih daripada 150 ayat al-Quran yang membincangkan isu kesesatan dalam kalangan umat manusia. Antara perkataan yang merujuk kepada kesesatan adalah seperti *dalla*, *yadillu*, *dalalan*, *dalalatan*, *ghawa*, *yaghwi*, *batala*, *yabtulu*, *butlan*, *zagha*, *yazighu* dan sebagainya. Lafaz ini merujuk kepada makna yang berpaling daripada jalan yang lurus berlawanan daripada perkataan hidayah. Sesiapa yang terlibat dengan kesesatan, akidahnya pasti akan terjejas dan menyebabkan seseorang itu terjermus ke

dalam syirik dan boleh menyebabkan seseorang itu juga murtad (Engku Ahmad Zaki, 2019).

Selain itu, menurut Panel Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pula mentakrifkan ajaran sesat sebagai ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-orang bukan Islam yang didakwanya berdasarkan kepada ajaran Islam atau didakwa tidak berlawanan dengan dasar-dasar ajaran Islam tetapi sebenarnya ajaran atau amalan tersebut adalah berlawanan dengan akidah dan syariat Islam berdasarkan al-Quran dan Sunnah (Majlis Agama Islam Selangor, 2015).

Di samping itu, Ibn al-Jauzi dalam kitabnya *Talbis al-Iblis* di dalam bab *Bayani Aqsaamu al-Bida'ah* telah menjelaskan tentang 72 golongan yang terkeluar daripada Ahli Sunnah wal Jamaah dengan menyebutkan bahawa: "*Sekiranya ditanya, adakah golongan-golongan ini boleh dikenali? Maka, jawabnya sesungguhnya kami mengetahui perpecahan dan asas-asas setiap golongan. Dan bahawasanya setiap golongan daripada golongan-golongan itu telah terbahagi kepada kumpulan-kumpulan lain sekalipun bukan dengan nama golongan itu dan mazhab-mazhabnya*". Antara golongan-golongan yang dimaksudkan ini ialah *al-Haruriah*, *al-Qadariyah*, *al-Jahmiah*, *al-Murjiah*, *al-Rafidhah*, *al-Jabariah*. Sesetengah ulama mengatakan bahawa asal golongan-golongan yang sesat ini datang daripada golongan yang enam ini. Kemudian, terpecah setiap golongan daripadanya kepada 12 kumpulan seperti *al-Alawiyyah*, *al-Tarikiah*, *al-Muktazilah*, *al-Zohiriah*, *al-Sabiqiah*, *al-Fikriah* dan sebagainya (Jamaluddin, 1983).

Adapun sebahagian daripada nama-nama golongan ini sudah tidak dikenali pada masa kini, akan tetapi pemikiran, prinsip dan ciri-ciri mereka masih ada sehingga hari ini walaupun mereka telah menggunakan nama yang lain (Zahidi, 2016). Contoh pemikiran atau ideologi yang menyeleweng pada zaman ini adalah seperti liberalisme, pluralisme, komunisme, ekstremisme dan seumpamanya.

Manakala dalam konteks perundangan syariah di negara ini, konsep ajaran sesat pada dasarnya adalah dirujuk secara kolektif berdasarkan kepada beberapa peruntukan berkenaan kesalahan yang berhubungan dengan akidah sebagaimana terkandung di dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559) (Siti Zubaidah Ismail, 2017). Menerusi akta 559 ini, terdapat empat seksyen yang khusus menyebut mengenai kesalahan berkaitan akidah iaitu menerusi seksyen 3 (Pemujaan salah), seksyen 4 (Doktrin palsu), seksyen 5 (Mengembangkan doktrin agama, dsb) serta seksyen 6 (Dakwaan palsu). Dalam hal ini, konsep ajaran sesat menerusi seksyen 3 berkenaan pemujaan salah adalah merujuk kepada elemen pemujaan terhadap selain Allah swt termasuklah terhadap alam semula jadi, individu, haiwan, tempat, atau objek tertentu yang bertentangan dengan prinsip tauhid dalam Islam. Manakala bagi konsep ajaran sesat menerusi seksyen 4 berkenaan doktrin palsu pula adalah merujuk kepada penyebaran ajaran atau fahaman yang bercanggah dengan hukum Syarak atau fatwa yang telah berkuatkuasa. Bagi konsep ajaran sesat menerusi seksyen 5 berkenaan mengembangkan doktrin agama adalah merujuk kepada penyebaran kepercayaan selain Islam kepada orang Islam serta konsep ajaran sesat menerusi seksyen 6 berkenaan dakwaan palsu pula adalah merujuk kepada tindakan

mana-mana individu yang mengisytiharkan dirinya atau orang lain sebagai rasul, nabi, Imam Mahadi, atau wali, serta mendakwa memiliki pengetahuan ghaib yang berada di luar batasan manusia (Siti Zubaidah Ismail, 2017). Maka berdasarkan kepada konsep ajaran sesat yang diteliti ini, adalah jelas bahawa sebarang bentuk ajaran atau fahaman sesat yang bercanggah dengan akidah umat Islam adalah merupakan suatu ancaman serius terhadap kesucian agama Islam serta dapat berimpak terhadap kesejahteraan umat Islam di negara ini.

4.2 Isu dan cabaran dalam menguatkuasakan undang-undang berkaitan ajaran sesat

Penguatkuasaan undang-undang berkaitan ajaran sesat di Malaysia sehingga ke hari ini masih lagi berhadapan dengan pelbagai kemelut isu serta cabaran yang kompleks dalam usaha untuk membendung penyebaran fahaman yang bertentangan dengan akidah umat Islam. Perkembangan ajaran sesat di negara kita khususnya menunjukkan pelbagai strategi, metode penyebaran dan modus operandi yang digunakan bagi menjayakan dakyah mereka. Maka ianya akan membawa kepada pelbagai isu dan cabaran yang timbul kepada pihak berwajib bagi mengekang dan menguatkuasakan undang-undang berkenaan ajaran sesat sebagaimana berikut:

4.2.1 Isu dan Cabaran Dalam Tempoh Penyiasatan

Tempoh risikan dan penyiasatan kes-kes melibatkan ajaran sesat ini mengambil masa yang agak lama dan perlu dilakukan dengan teliti. Di dalam menjalankan perkara sedemikian, timbul isu dan cabaran yang perlu dihadapi oleh PPA. Antara isu dan cabaran yang dihadapi adalah sebagaimana berikut:

4.2.2 Kelemahan dan Cabaran di Sudut Penguatkuasa Agama (PPA)

Semasa menjalankan kajian lapangan, pengkaji mendapati bahawa terdapat banyak kelemahan diperingkat penguatkuasa agama (PPA) khususnya di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI). Perkara ini menjadi isu dan cabaran di dalam menguatkuasakan undang-undang jenayah syariah berkenaan ajaran sesat. Antara kelemahan yang disuarakan oleh responden adalah mengenai kurang kepakaran di setiap Bahagian Siasatan, Bahagian Risikan, Bahagian Penyelidikan dan keseluruhan bahagian di jabatan. Hal yang demikian kerana kebanyakan pegawai penguatkuasa akan bertukar-tukar jawatan apabila dinaikkan pangkat atau dipindahkan ke bahagian, jabatan ataupun cawangan yang lain. Perkara ini melibatkan skim lantikan pegawai syariah yang agak terbuka kerana Skim Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam S29 dan Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S19 boleh diletakkan sama ada di Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan boleh terdiri daripada pelbagai jawatan atau bahagian seperti Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA), Pegawai Hal Ehwal Islam, Pegawai Halal (JAKIM), Bahagian Zakat dan seumpamanya. Sepertimana yang kita sedia maklum bahawa proses penyelidikan, penyiasatan dan risikan ajaran sesat memerlukan kepada kepakaran yang tinggi. Maka, jika tiada seseorang yang pakar di setiap jabatan ianya akan memberi kesan kerana pegawai-pegawai yang baharu akan mengambil masa bagi

menyesuaikan diri dan memerlukan kepakaran daripada seseorang yang berpengalaman di dalam bidang ini. Ini sebagaimana dijelaskan menerusi dapatan temu bual bersama peserta kajian pada 13 Jun 2023:

"Sejujurnya, masa kami jalankan siasatan, memang nampak ada beberapa kelemahan dari segi penguatkuasaan, terutamanya di peringkat JAWI sendiri. Isu utama yang kami perasan ialah kurangnya pegawai yang benar-benar pakar dalam bidang risikan, siasatan dan penyelidikan ajaran sesat. Sebab ramai pegawai akan bertukar bahagian bila naik pangkat atau dipindahkan ke jabatan lain. Lagi satu, skim lantikan pegawai agak terbuka — jadi pegawai dari skim S29 atau S19 boleh saja ditempatkan di mana-mana bahagian, termasuk penguatkuasaan, bahagian halal, zakat dan sebagainya. Dekat situ ada lah masalah sedikit.. sebab kerja siasat dan risik ajaran sesat ni memang perlukan kepakaran yang tinggi dan pengalaman. Bila pegawai baru masuk, mereka ambil masa nak menyesuaikan diri, dan itu melambatkan proses tindakan." (Peserta Kajian B, 2023) .

Seterusnya, risikan dan penyiasatan kes ajaran sesat juga memainkan peranan yang penting di dalam keberkesanan sesuatu kes ajaran sesat dibawa ke muka pengadilan. Kecekapan menjalankan risikan merupakan faktor terbesar dalam menentukan kejayaan operasi kes ajaran sesat. Sekiranya maklumat daripada anggota risikan adalah salah, maka seluruh operasi dan siasatan akan mengalami masalah serta gagal mencapai tujuan tangkapan. Antara kelemahan yang dikenalpasti adalah tiada kelengkapan khusus bagi pegawai perisik bagi menjalankan risikan sedikit sebanyak mendatangkan kesukaran. Jika perkembangan ajaran sesat menyaksikan betapa liciknya dan banyak muslihat yang digunakan oleh mereka di dalam menyebarkan ajaran mereka. Akan tetapi di peringkat penguatkuasa agama masih lagi tiada kelengkapan yang khusus seperti jam pintar (*smartwatch*), perakam suara pelbagai bentuk, kamera pengintip (*spy camera*) dan seumpamanya akan menyukarkan lagi proses risikan dan penyiasatan bagi mengumpul bahan bukti. Justeru, pemantauan terus giat dilakukan oleh penguatkuasa cuma agak sukar untuk mengambil tindakan.

Di samping itu, responden juga menegaskan bahawa tenaga kerja pegawai penguatkuasa (PPA) agak kurang jika dibandingkan dengan bilangan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) khususnya bagi kawasan Wilayah Persekutuan termasuk Kuala Lumpur, Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan. Bilangan kakitangan di JAWI pada ketika ini berjumlah 81 orang sahaja berbanding PDRM yang mempunyai kekuatan keanggotaan kira-kira seramai 8700 orang bagi kontinjen Kuala Lumpur sahaja. Walaupun skop tugas polis sememangnya diakui adalah lebih banyak daripada pegawai penguatkuasa agama dan lebih mencabar, akan tetapi jurangnya amatlah besar dan wujud keperluan kepada penambahan bilangan pegawai syariah khususnya di JAWI. Kekurangan tenaga kerja di bahagian penguatkuasaan JAWI mendatangkan cabaran yang amat besar. Ini sebagaimana dijelaskan menerusi dapatan temu bual bersama peserta kajian pada 15 Jun 2023:

"Kalau nak dibandingkan dari segi keanggotaan, memang jauh beza antara pegawai penguatkuasa agama dengan anggota PDRM. Di JAWI sendiri,

sekarang ni hanya ada lebih kurang 81 orang pegawai saja yang terlibat dalam penguatkuasaan, sedangkan PDRM untuk Kuala Lumpur saja ada lebih kurang 8,700 anggota. Memang kita faham skop kerja polis lebih luas dan mencabar, tapi jurang perbezaan tenaga kerja tu terlalu besar." (Peserta Kajian C, 2023).

Akhir sekali, antara cabaran yang dihadapi adalah cabaran mendapatkan first-hand information bagi kes-kes melibatkan ajaran sesat. Boleh dikatakan bahawa hampir kesemua ajaran sesat ini bergerak secara rahsia terutamanya menjalankan kelas-kelas mereka di malam hari atau di awal pagi. Kegiatan mereka dilakukan di kawasan tertentu menyukarkan lagi proses penyiasatan kerana aktiviti mereka kurang disedari oleh masyarakat sekeliling. Ini sebagaimana dijelaskan menerusi dapatan temu bual bersama peserta kajian pada 15 Jun 2023:

"Di pihak kita, memang jadi cabaran besar kalau nak dapatkan maklumat daripada ahli yang dalam kumpulan ajaran sesat tu sendiri. Sebab mereka ni biasanya bergerak sangat rahsia... buat kelas tengah malam... ataupun pada awal pagi.. lokasinya pula memang tersembunyi yang orang ramai pun tak perasan. Jadi, nak kesan dan kumpul bukti tu memang susah. Kalau kita tengok dalam kes Millah Abraham pun, kebanyakan saksi cuma datang daripada kalangan pegawai penguatkuasa yang turun buat operasi. Maklumat dari orang awam sangat kurang." (Peserta Kajian A, 2023)

Sebagaimana dapatan temubual daripada peserta kajian, terdapat kesukaran di peringkat penguatkuasaan untuk mengumpulkan bukti seperti yang berlaku dalam kes Millah Abraham. Dalam kes ini, saksi kebanyakannya adalah terdiri daripada pegawai penguatkuasa yang menjalankan operasi dan informasi yang diperolehi daripada masyarakat kurang memberangsangkan. Sekalipun wujud pengikut Millah Abraham yang kembali ke pangkal jalan, namun pihak penguatkuasa sukar mendapatkan maklumat mereka.

4.2.3 Kemajuan Teknologi

Jika diteliti kebanyakan ajaran sesat yang ada pada hari ini tidak lagi menggunakan taktik yang sama pada zaman dahulu yang cenderung melakukannya secara terang-terangan seperti ajaran Ayah Pin dan tidak bergantung kepada teknologi kerana masih belum maju seperti yang ada pada hari ini. Namun seiring dengan perubahan zaman dan kemajuan teknologi, pengasas dan pengikut-pengikut ajaran sesat ini mengambil manfaat bagi menjayakan agenda mereka. Ini sebagaimana dijelaskan menerusi dapatan temu bual bersama peserta kajian pada 15 Jun 2023:

"Kalau kita tengok sekarang, ajaran sesat dah tak guna cara lama macam zaman Ayah Pin dulu yang buat secara terang-terangan. Sekarang ni mereka lebih bijak, mereka guna teknologi untuk gerakkan ajaran mereka secara senyap. Dulu mungkin tak ada media sosial, tak ada platform online, tapi sekarang dah canggih.. Dengan kecanggihan dunia siber sekarang, mereka boleh capai orang ramai dengan cepat dan mudah, terutamanya golongan muda yang sentiasa terdedah kepada internet." (Peserta Kajian A, 2023)

Dalam hal ini, penyebaran ajaran sesat dan salah yang berlaku pada masa dahulu tidak jauh berbeza dengan apa yang berlaku pada hari ini. Apa yang menjadi perbezaan adalah kaedah dan wahana penyebaran yang digunakan. Kecanggihan teknologi maklumat yang ada dalam alam siber ini ternyata lebih mudah dan pantas untuk menyebarkan doktrin dan ideologi ajaran yang sesat dan salah kepada netizen yang beragama Islam (Noor Raihan Jusidin & Zuliza Mohd Kusrin, 2018). Akses kepada bahan ajaran sesat ini amatlah mudah pada zaman sekarang jika tidak dibentung. Contohnya, ajaran Ahmadi Religion (*Religion of Peace and Life*) aktif menggunakan pelbagai medium dan teknologi bagi menyebarkan ajaran mereka (Noor Raihan Jusidin & Zuliza Mohd Kusrin, 2018). Tambahan lagi, laman web ajaran ini masih bebas untuk dicapai dan boleh mendatangkan mudarat atau pengaruh kepada masyarakat Islam.

4.2.4 Isu dan Cabaran di Peringkat Dasar

Isu dan cabaran yang dihadapi bukanlah sahaja di peringkat lapangan, malah ianya juga berkait rapat dengan isu dan cabaran di peringkat dasar. Hal yang demikian kerana, jika diteliti Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559] dan mana-mana enakmen kesalahan jenayah syariah negeri lain, didapati bahawa undang-undang substantif yang sedia ada masih belum komprehensif dan mempunyai kelompongan peruntukan. Perkara ini disuarakan oleh responden dengan menyatakan bahawa peruntukan dan elemen yang tidak jelas membawa kesukaran kepada pembuktian untuk dibawa ke mahkamah oleh bahagian pendakwaan. Selain itu juga, masih belum ada peruntukan bagi jenayah syariah di alam siber membawa kesukaran kepada pihak penguatkuasa mengambil tindakan ke atas pesalah yang melakukan jenayah syariah di alam siber. Kebanyakan daripada kes ajaran sesat ini disebarkan di alam siber melalui pelbagai platform seperti Microsoft Teams, Google Meet, *Telegram private channel* dan seumpamanya selain daripada secara fizikal kerana kemudahan teknologi yang ada pada hari ini. Tambahan lagi, masih ada kelompongan bagi enakmen jenayah syariah negeri sepertimana Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan 2019 (I) yang tidak mempunyai peruntukan mengenai ajaran sesat yang lengkap sepertimana negeri-negeri lain menyukarkan lagi pihak penguatkuasa agama dan pendakwaan syariah bagi menentukan seksyen-seksyen yang terlibat kepada pesalah. Ini sebagaimana dijelaskan menerusi dapatan temu bual bersama peserta kajian pada 13 Jun 2023:

"Kalau kata cabaran ni, kita bukan setakat kat lapangan je, tapi di peringkat dasar pun ada masalah. Bila tengok balik Akta Kesalahan Jenayah sekarang dan enakmen-enakmen jenayah syariah negeri lain, kita dapati undang-undang yang ada masih banyak kelompongan, terutamanya bab peruntukan dan elemen kesalahan yang tak jelas. Ini jadi cabaran besar untuk pihak pendakwaan nak bawa kes ke mahkamah. Lagi satu, undang-undang kita pun belum ada peruntukan khas untuk jenayah syariah di alam siber. Contoh lain macam di Kelantan, Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan pun masih tak ada peruntukan lengkap tentang ajaran sesat. Jadi memang menyukarkan pihak penguatkuasa dan pendakwa syarie nak tentukan seksyen yang sesuai bila nak ambil tindakan." (Peserta Kajian B, 2023)

Selain itu juga, wujud perbezaan dari segi proses istitabah dan modul yang digunakan di beberapa buah negeri di Malaysia. Walaubagaimanapun, proses istitabah hendaklah dikuatkuasakan dan dikemaskini dari masa ke semasa oleh pihak berwajib bagi melicinkan lagi proses pemulihan akidah kerana masih ada negeri yang belum menyediakan suatu modul yang khusus berkaitan pemulihan akidah terhadap pemohon keluar Islam atau ajaran salah walaupun mempunyai pengisian yang khusus (Fairouz, 2023).

Akhirnya, antara lakuna undang-undang jenayah syariah yang jelas adalah ketiadaan peruntukan mengenai penahanan reman dan tahanan melebihi 24 jam berbanding seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) yang memperuntukkan berkenaan penahanan reman secara jelas (Wafaa' Yusof & Anita Rahim, 2016). Tambahan lagi, semua kes jenayah syariah boleh diikat jamin. Penahanan pra perbicaraan ini melibatkan lokasi yang berlainan dari penjara seperti lokap atau pusat akhlak dan ianya akan dikuatkuasakan sebelum perbicaraan. Penahanan ini jelas berbeza dengan bentuk-bentuk penahanan yang lain kerana tujuan penahanan pra perbicaraan ini adalah sebagai mekanisme untuk membantu menjalankan siasatan keatas tertuduh dan memberikan suatu tempoh masa di peringkat penguatkuasa undang-undang bagi melengkapkan kertas siasatan (investigation paper) atau menunggu pendakwaan serta perbicaraan dilaksanakan dan tertuduh tidak dianggap bersalah selagi mana belum dibuktikan. Ini sebagaimana dijelaskan menerusi dapatan temu bual bersama peserta kajian pada 15 Jun 2023:

"Penahanan pra perbicaraan ni sebenarnya lain daripada penahanan biasa. Biasanya, tertuduh akan ditahan di tempat yang berbeza daripada penjara, macam di lokap atau pusat akhlak. Tujuannya bukan untuk menghukum, tapi lebih kepada nak bantu pihak penguatkuasa siapkan siasatan dan bagi masa untuk lengkapkan kertas siasatan sebelum pendakwaan atau perbicaraan dijalankan." (Peserta Kajian C, 2023)

4.3 Analisis Kes-kes Ajaran Sesat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Setelah menjalankan kajian lapangan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pengkaji mendapati bahawa terdapat pelbagai kes ajaran sesat yang telah diputuskan iaitu salah satu di antaranya adalah kes Millah Abraham. Manakala terdapat sebuah kes ajaran sesat pada tahun 2016 yang telah diputuskan oleh mahkamah di mana OKT telah diperintahkan untuk menjalani proses istitabah. Namun demikian, pihak OKT telah bertindak melarikan diri tanpa jejak. Selain itu, pengkaji merujuk kepada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI) bagi mengkaji dan menganalisis ajaran sesat terkini yang telah selesai menjalani proses penyiasatan. Analisis terhadap kes-kes ajaran sesat tersebut juga merangkumi ajaran yang masih dalam proses pantauan dan siasatan pihak JAWI.

Ajaran-ajaran ini berada di bawah pantauan JAWI berikutan penyebarannya telah dikesan berlaku di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Ahmad Hidayat Buang, 2011). Bahkan, aktiviti penyebaran ajaran sesat yang dikenal pasti ini tidak hanya dilakukan secara fizikal, akan tetapi juga disebar dengan menggunakan platform digital seperti Telegram, Google Meet, dan media sosial, yang memudahkan ajaran ini

sampai kepada masyarakat (Zahidi Teh et al., 2016). Oleh kerana Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan pusat tumpuan masyarakat pelbagai latar belakang dengan capaian teknologi yang tinggi, JAWI sebagai agensi penguatkuasa agama yang bertanggungjawab perlu memastikan pemantauan rapi dijalankan untuk membendung penuluran ajaran-ajaran ini berikutan ia memberi kesan negatif kepada masyarakat yang diperincikan sebagaimana berikut:

1) Kes Ajaran Millah Abraham

Merujuk kepada fakta kes yang dikaji, pada 20 Oktober 2014 jam 8.25 malam, sepasukan Pegawai Penguatkuasa Agama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan yang diketuai oleh Tuan Shiham telah menjalankan operasi berdasarkan maklumat risikan di sebuah premis perniagaan tingkat 2 yang beralamat di B-23 Blok B Jalan 2/142A, Megan Phoenix, Jalan Cheras, Kuala Lumpur. Hasil daripada ini mendapati bahawa seramai 14 OKT ditangkap di tempat kejadian. Pada 21 Oktober 2014, pertuduhan dibacakan terhadap semua OKT tanpa mengambil rekod pengakuan oleh OKT dan mereka dilepaskan dengan bon jamin untuk hadir semula ke sebutan pada 6 November 2014. Seterusnya pada 6 November 2014, hanya lima orang OKT hadir dan pertuduhan dibacakan. Kelima-lima OKT tersebut tidak mengaku salah. Kes ditangguhkan pada 10 November 2014 untuk sebutan semula dan waran tangkap telah dikeluarkan oleh mahkamah terhadap OKT lain yang tidak hadir. Seterusnya, pada 7 November 2014, seramai tiga orang OKT yang tidak menghadirkan diri semasa sebutan yang lepas telah serah diri kepada pihak berkuasa. Akhirnya pada 10 November 2014, mahkamah mengarahkan pindaan pertuduhan dibuat terhadap OKT 3 yang bernama J.B.H daripada pertuduhan Seksyen 5: Mengembangkan Doktrin Agama kepada Seksyen 4: Doktrin Palsu.

4.3.1 Analisis Kes

Ajaran Millah Abraham (Ibrahim) diselidiki dan boleh dikaitkan dengan Gerakan Pemuda Kahfi di Bogor, Indonesia diterajui oleh Ahmad Musodiq. Melalui penyiasatan, ajaran Millah Abraham ini berpusat di Cilimus Kuningan, Kota Cirebon, di Jawa Barat Indonesia yang diketuai Zubaedi Djawahir dan mula dikesan memasuki negara kita pada tahun 2013.

a. Analisis Kesesatan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Bagi Ugama Islam Malaysia Kali Ke-109 yang bersidang pada 18 hingga 19 Oktober 2016 telah membincangkan bahawa ajaran Millah Abraham ini membawa ajaran Islam baharu. Golongan Millah Abraham mendakwa bahawa Kerajaan Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW telah lama jatuh sejak tahun 1324 Hijrah ketika kejatuhan kerajaan Bani Abbasiah ekoran serangan tentera Monggol keatas kerajaan Islam di Baghdad. Setelah kejatuhan Islam pada 1324 Hijrah, pengikut Millah Abraham mendakwa bahawa golongan musyrik termasuk para ulama' telah membawa ajaran Islam yang palsu dan hendaklah bertaubat dengan memilih

kembali agama Millah Abraham. Mereka juga mendakwa agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW telah berakhir sejak kejatuhan kerajaan Islam dan diganti dengan ajaran agama tauhid yang baru iaitu Millah Abraham.

Seterusnya, mereka mendakwa kewujudan rasul selepas Nabi Muhammad SAW. Ajaran ini mentafsirkan bahawa Allah SWT mengutuskan Rasul dalam kalangan kaum mereka sendiri untuk memudahkan kaum tersebut memahami dan mengajar mereka untuk keluar daripada kesesatan. Maka, dikatakan bahawa Rasul Millah Abraham diutuskan dari kalangan bangsa Melayu Nusantara ini mengenai agama yang benar. Kumpulan ini juga mengangkat Rasul daripada Kaum Melayu kerana mempercayai bahawa Kaum Keturah yang akan memimpin setelah 1435 tahun seperti yang dijanjikan Tuhan kepada Nabi Ibrahim. Rasul yang dimaksudkan oleh kumpulan ini ialah Ahmad Mushaddeq. Maksud '*Khataman Nabiyyin*' ditafsirkan sebagai kesempurnaan agama (*deen*) pada zaman Nabi Muhammad dan bukanlah penutup segala nabi. Tambahan lagi, semasa menjalankan kajian kes saya mendapati bahawa ajaran ini juga mendakwa Mesias (al-Masih) sebagai *mujaddid* (pembaharu) kepada agama Islam yang sekarang. Millah Abraham didakwa sebagai agama yang menyatukan semua ajaran-ajaran Nabi yang terdahulu.

Selain itu, berdasarkan bahan-bahan bukti yang dikumpul, penyelidikan dan laporan daripada penyiasatan daripada pihak penguatkuasa mendapati bahawa ajaran ini mencampuradukkan ajaran dalam al-Quran, Bible dan Taurat (*Old Testament*). Ajaran ini menggabungkan tiga ajaran agama iaitu Islam, Kristian dan Judaism. Selain terjemahan al-Quran, kumpulan ini juga mengatakan bahawa mereka menggunakan kitab Taurat dan Injil (*Old Testament & New Testament*) dalam pengajian kerana dalam al-Quran telah membenarkan kitab sebelum al-Quran dan juga menerangkan bahawa kitab Taurat dan Injil sebagai panduan. Buktinya, melalui kajian kes didapati bahawa kandungan slaid dan teks diantara pengikut mereka seringkali mengaitkan ayat al-Quran dengan kitab-kitab lain seperti kaitan Surah al-Hijr ayat 94 dengan Matthew ayat 26 hingga ayat 27. Tambahan lagi, autoriti hadis dipertikai dengan dakwaan bahawa sahabat Nabi melihat cara Nabi membuang hadas, mereka mendakwa Nabi cuma hanya perlu menyampaikan wahyu Tuhan sahaja. Oleh itu mereka berpendapat bahawa kitab hadis banyak kisah dusta dan tidak dikira sebagai autoriti. Ini antara kesesatan mereka yang jelas dan nyata kerana menolak hadis sebagai sumber hukum di dalam Islam.

b. Analisis Modus Operandi dan Strategi Penyebaran:

Bagi menganalisis lanjut terhadap modus operasi dan strategi penyebaran dalam kes-kes ajaran sesat ini, pengkaji melakukan penelitian terhadap fail kes ajaran Millah Abraham yang telah dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penelitian terhadap fail kes tersebut dilaksanakan atas keizinan daripada pegawai mahkamah di bahagian Unit Jenayah serta dapatan pengkaji menunjukkan bahawa metode penyebaran dan

modus operandi yang digunakan dalam kes Millah Abraham ini adalah dilaksanakan secara sistematik.

Berdasarkan penelitian fail kes, pada peringkat pertama, ajaran Millah Abraham ini akan menjalankan indoktrinasi ahli iaitu suatu proses penerapan doktrin atau perbuatan menanamkan sesuatu doktrin ke dalam pemifikiran ahlinya bagi mengukuhkan pegangan dan pemikiran. Ajaran Millah Abraham ini diperingkat asasnya akan menyebarkan dakyah perubahan sistem daripada ajaran Islam yang sebenar dengan mengembangkan ajaran secara *sirr* (sembunyi) dengan terancang terlebih dahulu sebelum meneruskan agenda mereka seperti peperangan dengan bersedia menakluk negeri Sabah, menubuhkan pemerintahan sendiri, menjalankan dakwah secara *jahr* (terang-terangan) dan menubuhkan daulah (negara) dengan tujuan mewujudkan wilayah yang bebas dari aspek pentadbiran penguasaan. Ancaman ajaran ini juga dikesan mempunyai unsur militan kerana menanam cita-cita ingin menggulingkan kerajaan yang sedia ada pada hari ini dan menubuhkan kerajaan dan pentadbiran sendiri.

Proses indoktrinasi ini juga diterapkan dalam kalangan pengikutnya dengan menetapkan peraturan yang tersendiri yang hendaklah dipatuhi seperti kewajipan mengikuti proses didikan khusus sebelum mengucapkan persaksian atau *bai'ah*, menggunakan kod rahsia sebagai identiti setiap ahli, menetapkan nama baharu (sepertimana nama pengikut Krisitian yang dibaptis), menggubal silibus pengajian secara berperingkat bagi setiap tahap dalam sistem ahli, menyembunyikan susunan heirarki bagi menjaga kerahsiaan, melindungi maklumat pimpinan, melantik pendamping yang kompeten sebagai wakil Rasul untuk menyampaikan ajaran kepada ahli baru, mengenakan bayaran wang taubat (sepertimana amalan Kristian Katolik), menuntut bayaran tujuan pengajian dan penubuhan daulah, menggariskan tuntutan cerai bagi pasangan yang tidak menyertai ajaran ini, memutuskan silaturahmi dengan ahli keluarga yang tidak menyertai ajaran ini dan pelbagai lagi bentuk indoktrinasi yang diterapkan kepada semua pengikut-pengikutnya (Peserta Kajian A, 2023).

Di samping itu, ajaran Millah Abraham ini juga giat menjalankan propaganda bagi meramaikan pengikut dan menyebarkan ajaran ini kepada orang ramai secara rahsia. Antara strategi yang digunakan adalah dengan menjalankan kelas pengajian al-Quran secara dalam talian, melaksanakan aktiviti secara bersemuka dalam skala yang kecil, menggunakan premis yang pelbagai seperti bangunan pejabat, rumah kedai, rumah sewa, melakukan metodologi terjemahan al-Quran disertai rujukan kepada Bible dan Old Testament sebagai rujukan utama dalam tema perbincangan, penyampaian dipimpin oleh penyampai dan tenaga pengajar yang dikenali sebagai wakil Rasul dan petah berkata-kata.

Selain itu juga, ajaran ini turut memberikan fokus kepada perkaderan ahli bagi melatih ahli baru untuk meneruskan ajaran dan penyampaian dakyah mereka. Antaranya dengan menjalankan sasaran perkaderan ahli,

mementingkan golongan profesional yang berpendidikan namun jahil ilmu agama, menjejaki keluarga berpotensi yang mempunyai status kewangan yang baik, menasaskan lapisan masyarakat yang mempunyai pendidikan akademik yang tinggi, menasaskan pemuda sebagai pelapis dan seumpamanya.

Berdasarkan kepada beberapa analisis yang dikemukakan diatas, ajaran Millah Abraham menunjukkan strategi yang rapi dan pertentangan yang jelas kepada umat Islam di negara kita. Jika dibiarkan ianya berterusan berkembang secara tersembunyi, dikhuatiri ianya mampu memberikan ancaman kepada umat Islam dan keselamatan negara sebagaimana ajaran yang difatwa dan diwartakan sesat sebelum sesat seperti al-Maunah dan al-Arqam suatu ketika dahulu. Perkembangan ajaran sesat hari ini boleh dilihat bahawa mereka mengikut peredaran zaman dan semakin licik dikembangkan kepada umat Islam.

2) Kes-kes Yang Masih Dalam Proses Pantauan dan Siasatan Pihak JAWI

Kebiasaannya tidak banyak kes ajaran sesat yang dilaporkan di mahkamah. Hal yang demikian kerana sebahagian besar daripada kes yang dibincangkan masih belum didakwa di mahkamah dan masih dalam proses pantauan dan penyiasatan pihak JAWI. Antara kes-kes yang masih dalam pantauan dan penyiasatan pihak JAWI adalah kes Ahmadi Religion (*Religion of Peace and Light*) dan Hadi Minallah sebagaimana berikut:

i- Ajaran Ahmadi Religion (*Religion of Peace and Light*)

Ahmadi Religion ataupun dikenali juga sebagai Ansar Al-Mahdi sebenarnya dikesan bergiat secara sembunyi sejak tahun 2016 lagi apabila berlakunya penangkapan oleh pihak Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM). Namun, ajaran kembali dikesan di negara kita pada tahun 2023, hasil daripada aduan yang diterima oleh JAWI mendapati bahawa ada pengikut ajaran ini yang bertindak dengan mengangkat sepanduk (*banner*) di sekitar kawasan KLCC. Walaubagaimanapun, tidak diketahui motif mereka bertindak sedemikian. Namun apa yang pasti adalah, ajaran ini telah mula memasuki ke dalam negara kita secara halus dan aktif dalam kalangan masyarakat secara sembunyi dan mula dikesan berdasarkan aduan dan pantauan yang dijalankan oleh pihak JAWI. Ini sebagaimana dijelaskan menerusi dapatan temu bual bersama peserta kajian pada 15 Jun 2023:

“Sebenarnya, ajaran Ahmadi atau dikenali sebagai Ansar Al-Mahdi ini telah mula dikesan di negara kita sejak tahun 2016 lagi. JAIM pada ketika itu, telah berjaya membuat beberapa tangkapan ke atas individu yang terlibat. Walaupun begitu, mereka masih bergerak secara sembunyi-sembunyi dan sukar dikesan. Kemunculan mereka sekali lagi dapat dikesan pada tahun 2023 apabila pihak JAWI menerima aduan daripada orang awam.” (Peserta Kajian C, 2023)

Berdasarkan analisis, antara bentuk kesesatan yang dibawa oleh ajaran ini adalah dengan mempercayai dan mengimani bahawa 12 Imam dan kebangkitan semula Al-Mahdi dengan diteruskan oleh Imam Ahmed al-Hassan dan Abdullah Hashem Aba al-Sadiq iaitu pemimpin ajaran Ahmadi pada ketika ini (Mohamed Fathillah et al., 2020).

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, responden menyatakan bahawa di dalam penyiasatan yang dijalankan, ajaran ini mirip ajaran Syiah Imamiyyah yang mempercayai bahawa kebangkitan al-Mahdi dengan dilahirkan semula sebagai Imam bagi mereka. Namun, perbezaan yang ketara adalah kerana ajaran ini membenarkan agama-agama yang lain juga dan jelas menunjukkan pluralisme agama. Ahmadi Religion ini mempercayai konsep reinkarnasi dan pluralisme bahawa semua agama akan disatukan suatu masa kelak berpandukan kepada ajaran Ahmadi Religion. Ini sebagaimana dijelaskan menerusi dapatan temu bual bersama peserta kajian pada 15 Jun 2023:

"Berdasarkan siasatan yang kami buat, ajaran Ahmadi ni memang ada unsur yang sangat menyimpang. Mereka percaya dengan 12 Imam dan kebangkitan semula al-Mahdi yang kononnya diteruskan oleh Imam Ahmed al-Hassan dan Abdullah Hashem Aba al-Sadiq. Kalau tengok sekali imbas, memang nampak macam ajaran Syiah Imamiyyahlah sebab mereka pun ada kepercayaan tentang al-Mahdi. Tapi yang membezakan ajaran ni, mereka bawa fahaman pluralisme. Jadi maksudnya dekat sini, mereka percaya semua agama akan bersatu bawah ajaran mereka satu hari nanti. Itu yang buat kami risau sebab kalau orang awam tak tahu, mereka mungkin terpengaruh." (Peserta Kajian C, 2023)

Perkara ini boleh diteliti juga melalui laman web dan media sosial yang aktif menjelaskan mengenai ajaran mereka. Contohnya mereka mengakui dan meyakini sebagaimana berikut, *"We believe that there is no deity but God, alone, with no partners. We believe in the truth of Prophet Muhammad (pbuhahf), the Twelve Imams (pbut), and the Twelve Mahdis (pbut), whom are mentioned in the Will of Prophet Muhammad (pbuhahf). We believe that Muhammad (pbuhahf) and his Ahlulbayt (his daughter Fatima Al-Zahra, the Twelve Imams, and the Twelve Mahdis (pbut)) are all the closest creations to the one true God"* (Noor Raihan Jusidin & Zuliza Mohd Kusrin, 2018).

Setakat ini masih tidak diketahui modus operandi penyebaran ajaran ini di Malaysia setelah ianya dikesan baru-baru ini. Adapun diperingkat antarabangsa, ajaran ini dilihat aktif menyampaikan dakwah mereka di pelbagai platform seperti laman web, Youtube, Twitter, Instagram dan sebagainya. Mereka juga dikenal pasti menyasarkan golongan yang berpendidikan namun jahil dalam ilmu agama dan juga menyasarkan golongan yang ingin mula mendalami ilmu agama Islam.

ii- Ajaran Hadi Minallah

Antara kes yang masih dalam pantauan dan siasatan pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI) adalah ajaran Nur Mutiara Makrifatullah yang diasaskan oleh Hadi Minallah Aminullah Ahmad. Hadi Minallah ini berasal daripada Indonesia dan dikesan mula menyebarkan ajarannya di Malaysia sejak tahun lalu (Mohamed Farid Noh, 2022). Berdasarkan keputusan fatwa Jabatan Mufti Johor telah membincangkan bahawa ajaran yang dibawa oleh Wayang Hadi Kesumo (Hadi Minallah) adalah bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah serta ijma' ulama' dalam bab akidah, syariah, tasawwuf (akhlak). Antara isu-isu penyelewengan yang dibawa adalah seperti berikut (Mohamed Farid Noh, 2022):

- a. Dalam aspek akidah, ajaran yang dibawa oleh Wayang Hadi Kesumo (Hadi Minallah) ini mengajak kepada konsep pluralisme agama yang bercanggah dengan akidah ahli sunnah wal jamaah serta cenderung untuk melakukan pengubahan (tahrif) terhadap al-Quran selain menolak sumber hadis sahih.
- b. Dalam aspek syariat, ajaran yang dibawa oleh Wayang Hadi Kesumo (Hadi Minallah) menganggap pengikut kumpulan tersebut perlulah menyucikan diri mereka dengan mengikuti ajaran risalah bab kesucian sebelum boleh melaksanakan ibadah-ibadah fardu serta menghuraikan ibadah-ibadah tersebut dengan cara yang bertentangan dengan syariat islam. Ajaran Wayang Hadi Kesumo (Hadi Minallah) turut mempermainkan hukum Allah dengan mengharamkan perkara-perkara yang telah dihalalkan oleh Allah SWT termasuk dari sudut pernikahan.
- c. Dalam aspek tasawwuf, ajaran risalah bab kesucian yang dibawa oleh Wayang Hadi Kesumo (Hadi Minallah) mengandungi unsur-unsur yang memisahkan hubungan antara syariat, hakikat dan makrifat serta tidak memahami ilmu tasawwuf yang sebenar menurut Ahli Sunnah wal Jamaah.

4.4 Cadangan Pemerkasaan Pengurusan Kes Ajaran Sesat

Dalam usaha membanteras penyebaran dan perkembangan ajaran sesat di negara ini, terdapat tiga aspek yang perlu diberi penekanan. Pertama sekali dari segi pemerkasaan tenaga kerja pegawai penguatkuasa agama; kedua, pemerkasaan undang-undang jenayah syariah dan yang ketiga berkenaan kesedaran masyarakat. Kesemua aspek ini dibincangkan dengan lebih mendalam sepertimana berikut:

4.4.1 Pemerkasaan Tenaga Kerja Pegawai Penguatkuasa Agama

Setakat ini Bahagian Penguatkuasaan JAWI telah mengadakan beberapa program yang bertujuan untuk menambahbaik persediaan dan memantapkan ilmu pengetahuan PPA berkaitan penyiasatan dan risikan. Antaranya adalah dengan menjalankan “*Wacana Siasatan*” yang memberi penekanan dan pendedahan kepada PPA mengenai skop kerja bermula daripada tangkapan sehinggalah selesai siasatan. Selain itu, Bengkel Penyelarasan *Standard Operating Procedure* (SOP) turut diadakan bagi meningkatkan kefahaman PPA dalam bidang tatacara jenayah syariah secara komprehensif dan bersepadu. Responden juga berpandangan bahawa suatu kursus yang memberikan penekanan mengenai SOP dan tatacara jenayah hendaklah sentiasa dijalankan dari masa ke semasa. Terutamanya apabila ada pegawai-pegawai yang baru sahaja ditugaskan ke bahagian penyiasatan atau risikan. Ini sebagaimana dijelaskan menerusi dapatan temu bual bersama peserta kajian pada 15 Jun 2023:

"Setakat ni, pihak penguatkuasaan JAWI memang ada buat beberapa program untuk menguatkan persediaan dan tambah ilmu pegawai penguatkuasa agama (PPA). Contohnya macam *Wacana Siasatan*.. yang ini kita tujuannya nak bagi pendedahan tentang skop kerja PPA dari proses tangkapan sampailah siasatan selesai. Selain tu, ada juga Bengkel Penyelarasan SOP, biar nak bagi semua pegawai faham dengan jelas prosedur dan tatacara jenayah syariah secara lebih menyeluruh. Tapi pada saya, kursus macam ni memang nak kena dibuat selalu,

bukan setakat sekali. Lebih-lebih lagi untuk pegawai baru yang baru ditempatkan di bahagian siasatan." (Peserta Kajian A, 2023)

Di samping itu, kerajaan juga hendaklah menyediakan suatu inisiatif bagi menambahbaik skim syariah yang sedia ada sama ada dengan mengkaji semula jumlah pendapatan pegawai penguatkuasa agama dan juga menetapkan skim mengikut bahagian yang spesifik supaya setiap bahagian mempunyai kepakaran yang mendalam mengenai bidang tugas masing-masing. Hal ini disokong oleh kenyataan responden yang mengatakan bahawa kebanyakan pegawai di JAWI adakalanya bertukar-tukar jawatan dan menyebabkan kurang kepakaran di bidang tertentu yang memerlukan kemahiran seperti penyelidikan, penyiasatan dan risikan. Contohnya, ada pegawai syariah yang daripada bahagian masjid dipindahkan ke bahagian penguatkuasaan menjadikan ianya cabaran bagi menyesuaikan diri. Seterusnya, kerajaan negeri juga hendaklah mengambil kira kelengkapan PPA bagi menjalankan siasatan dengan menyediakan suatu kelengkapan yang khusus seperti jam pintar (*smartwatch*), perakam suara pelbagai bentuk, kamera pengintip (*spy camera*) dan seumpamanya bagi memudahkan kerja-kerja penyiasatan dan risikan. Ini sebagaimana dijelaskan menerusi dapatan temu bual bersama peserta kajian pada 13 Jun 2023:

"Saya rasa kerajaan pun kena tengok semula skim syariah yang ada sekarang. Kalau boleh, kaji semula dari segi gaji pegawai penguatkuasa agama dan tetapkan skim yang lebih spesifik ikut bahagian. Macam tu baru setiap bahagian ada pegawai yang betul-betul pakar. Kadang-kadang kat JAWI ni, pegawai tukar-tukar bahagian... ada yang asalnya dari bahagian masjid, tiba-tiba kena masuk ke penguatkuasaan. Lagi satu, dari segi kelengkapan pun kena ambil kira. Kalau ada peralatan khas macam jam pintar, perakam suara yang canggih, kamera pengintip... semua tu boleh sangat membantu kerja kami." (Peserta Kajian B, 2023)

Seterusnya, bilangan pegawai penguatkuasa agama pada ketika ini di JAWI hanyalah seramai 81 orang meliputi kawasan Wilayah Persekutuan Labuan seramai 21 orang, Putrajaya seramai kira-kira 20 orang dan selebihnya ditempatkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pun begitu, dalam kes melibatkan ajaran sesat ini tidak ramai PPA yang terlibat kerana ianya melibatkan kepakaran dan kemahiran khusus dan setiap daripada PPA telah ditugaskan mengikut skop tugas seksyen masing-masing. Cadangan ini penting untuk dipertimbangkan kerana apabila melibatkan penahanan bilangan OKT yang ramai dalam satu masa. Contohnya dalam kes penahanan kumpulan ajaran sesat Millah Abraham seramai 58 orang, sememangnya bilangan Pegawai Penyiasat yang sedia ada tidak mampu untuk mengendalikan kesemua OKT dalam tempoh yang singkat. Cadangan penambahan perjawatan Pegawai Penyiasat juga boleh dibangkitkan melihat kepada perkembangan zaman dan kepesatan penduduk yang semakin bertambah. Jika sebelum ini, aduan hanya diterima melalui medium telefon sahaja untuk dibuat sebarang aduan kepada JAWI. Namun, kini peluang akses aduan kepada pihak JAWI semakin luas melalui kemudahan laman sosial seperti facebook, emel dan seumpamanya. Tambahan lagi, kesedaran dalam kalangan masyarakat semakin meningkat apabila melibatkan isu-isu yang viral di alam siber dan laman sosial. Bagi menampung perkara ini, amat mustahak bahawa perjawatan PPA ini

ditambah dari masa ke semasa. Ini sebagaimana dijelaskan menerusi dapatan temu bual bersama peserta kajian pada 15 Jun 2023:

"Kalau tengok sekarang, bilangan pegawai penguatkuasa di JAWI memang tak ramai. Cuma 81 orang je, tu pun dah termasuk yang di Labuan dan Putrajaya. Nak handle kes-kes besar macam ajaran sesat memang susah, sebab bukan semua PPA ada kepakaran untuk buat siasatan kes macam ni. Contohnya masa kes Millah Abraham dulu, ada 58 orang yang kena tahan serentak... pegawai yang ada memang tak cukup nak siasat semua dalam masa yang singkat. Tambah pula, sekarang masyarakat makin celik dan banyak aduan datang bukan setakat dari telefon, tapi dari media sosial, emel, macam-macam saluran. Jadi saya rasa penting untuk kerajaan fikirkan penambahan jawatan Pegawai Penyiasat supaya kita boleh hadapi cabaran yang makin besar ni." (Peserta Kajian C, 2023)

4.3.2 Pemerkasaan Undang-undang Jenayah Syariah

Di peringkat dasar, wujud keperluan kepada pindaan undang-undang iaitu Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 dan termasuk juga enakmen jenayah syariah negeri-negeri lain bagi tujuan pemerkasaan undang-undang jenayah syariah. Antara perkara yang perlu diberi penekanan adalah perincian elemen bagi setiap seksyen khususnya berkaitan ajaran sesat kerana peruntukan sedia ada adalah tidak jelas daripada segi elemennya dan sedikit sebanyak menyukarkan pihak PPA dan pendakwa bagi menjalankan siasatan dan sehinggalah kepada pembuktian di mahkamah. Selain itu juga, pindaan ini adalah mustahak bagi memasukkan juga peruntukan bagi kesalahan jenayah syariah di alam siber. Ketiadaan peruntukan ini memberikan kesan apabila kesalahan yang dilakukan tidak boleh diambil tindakan oleh PPA secara langsung dan akhirnya perlu dibawa kepada Kanun Keseksaan atau Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) sahaja. Ini sebagaimana dijelaskan menerusi dapatan temu bual bersama peserta kajian pada 13 Jun 2023:

"Bagi saya, undang-undang yang ada sekarang ni memang perlukan pindaan. Banyak elemen dalam seksyen yang tak jelas, terutamanya bab ajaran sesat. Ia buat kami di bahagian siasatan dan pendakwa susah nak kukuhkan kes di mahkamah. Lagi satu, sekarang ni banyak kes berlaku di alam siber, tapi undang-undang kita belum ada peruntukan khas untuk jenayah syariah dalam dunia maya. Jadi, kita terpaksa rujuk kepada undang-undang sivil macam Kanun Keseksaan atau SOSMA." (Peserta Kajian B, 2023)

Seterusnya, pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 atau Akta 355 Rang Undang-undang Syariah (RUU 355) boleh meningkatkan lagi takat hukuman yang sedia ada iaitu hanya memperuntukkan hukuman tiga tahun penjara, RM5,000 denda dan enam sebatan buat pesalah akan dicadangkan kepada tiga puluh tahun penjara, RM100,000 denda dan seratus kali sebatan buat pesalah. Pindaan ini diharapkan dapat menjadi suatu bentuk pengajaran (*ta'dib*) dan hukuman (*uqubah*) yang setimpal kepada pesalah contohnya seperti Rasul Kahar yang tidak serik kerana kembali menyebarkan ajaran sesat setelah menjalani proses istitabah dan hukumannya. Ini

sebagaimana dijelaskan menerusi dapatan temu bual bersama peserta kajian pada 15 Jun 2023:

"Saya rasa pindaan Akta 355 memang sangat perlu. Hukuman yang ada sekarang ni terlalu ringan, tak cukup untuk beri kesedaran atau pengajaran kepada pesalah. Kalau hukuman tu lebih berat, mungkin mereka akan lebih takut dan berfikir panjang sebelum nak." (Peserta Kajian C, 2023)

Di samping itu, penahanan pra perbicaraan ataupun reman melebihi tempoh 24 jam bagi kes-kes yang agak berat seperti ajaran sesat wajar diberi pertimbangan untuk dilaksanakan kerana memerlukan tempoh penyiasatan yang lebih lama berbanding kes-kes jenayah syariah yang lain. Menurut perspektif Islam, penahanan ini boleh disimpulkan kepada dua pendapat iaitu yang menerima dan menolaknya di atas beberapa justifikasi dan hujah. Walaubagaimanapun, pendapat yang menerima perkara ini boleh diperhalusi lagi untuk diaplikasikan di dalam undang-undang acara jenayah syariah. Antara perbincangan yang diketengahkan sepertimana perbincangan di atas boleh dirangkumkan mengenai pertembungan diantara dua maslahat dalam penguatkuasaan penahanan pra perbicaraan iaitu maslahat individu dan melibatkan maslahat orang ramai bagi menjalankan penahanan reman ini. Penahanan ini adalah untuk menyekat kebebasan suspek dalam tempoh tertentu sahaja dengan kuasa yang dibenarkan oleh undang-undang berdasarkan kepada maslahat. Pelaksanaan tatacara tersebut boleh menjamin keselamatan saksi-saksi, masyarakat awam bahkan keselamatan dan memberikan kelicinan kepada proses penyiasatan. Ini sebagaimana dijelaskan menerusi dapatan temu bual bersama peserta kajian pada 15 Jun 2023:

"Bagi saya, penahanan pra perbicaraan melebihi 24 jam untuk kes-kes ajaran sesat memang wajar dipertimbangkan. Kes-kes macam ni rumit, memerlukan masa untuk lengkapkan siasatan. Tambahan pula, ia melibatkan keselamatan orang ramai dan juga saksi-saksi. Kalau terlalu cepat dilepaskan, risau suspek boleh ganggu siasatan atau pengikut mereka akan terus sebarkan ajaran sesat. Ini semua demi maslahat umum." (Peserta Kajian A, 2023)

4.3.3 Kesedaran Masyarakat

Setelah menjalankan kajian kes, pengkaji mendapati bahawa pengikut-pengikut ajaran sesat ini kebanyakannya terdiri daripada golongan profesional yang berpendidikan namun jahil dalam ilmu agama Islam, ada juga golongan yang ingin mendalami ilmu agama Islam namun tersilap dan terjerumus dengan ajaran sesat. Bahagian Penyelidikan JAWI juga aktif menjalankan program berkaitan pengukuhan akidah seperti "*Wacana Akidah Peringkat Wilayah Persekutuan*" pada 26 Mac 2023, "*Bengkel Pembangunan Pelan Tindakan Menangani Isu Akidah Di Media Sosial*" pada 18 Oktober 2023, "*Konvensyen Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Peringkat Wilayah Persekutuan*" pada 09 Julai 2024 dan lain-lain aktiviti. Program-program hendaklah diteruskan kerana ianya mampu memberikan impak yang positif dan terus dijalankan bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat Islam bagi menangani masalah ajaran sesat sangat dititikberatkan oleh pihak JAWI.

Selain itu, pihak Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) khususnya JAWI dan JAKIM juga boleh bekerjasama dalam menggiatkan usaha melalui unit penerangan atau dakwah bagi menambahbaik dan memperluaskan usaha penyebaran maklumat melalui pelbagai platform seperti risalah, majalah, media sosial masa kini seperti Tiktok, Instagram, Twitter, Facebook dan sebagainya bagi menyampaikan ilmu dan maklumat kepada masyarakat awam.

5.0 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini merungkaikan mengenai isu ajaran sesat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang sehingga kini didapati masih berlarutan serta menuntut tindakan serius di peringkat penguatkuasa agama mahupun pihak pembuat dasar. Ini kerana isu ajaran sesat ini bukan sahaja berkait dengan keselamatan akidah umat Islam, akan tetapi juga turut memberi implikasi terhadap kestabilan sosial serta keharmonian masyarakat di negara ini.

Dalam konteks penelitian terhadap konsep ajaran sesat menurut Islam dan perundangan syariah, adalah dirumuskan bahawa ajaran sesat merujuk kepada sebarang fahaman atau amalan yang menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar dan bertentangan dengan akidah yang sahih. Bahkan, Al-Quran sendiri telah menyebut lebih daripada 150 ayat berkaitan kesesatan yang membawa manusia jauh dari jalan hidayah. Golongan-golongan sesat ini telah wujud sejak dahulu lagi, yang tergolong sebagai golongan al-Haruriah, al-Qadariah, al-Jahmiah dan lain-lain. Manakala dalam konteks semasa, aspek kesesatan dan ancaman terhadap akidah adalah berlaku dalam bentuk ideologi moden seperti liberalisme, pluralisme, dan ekstremisme. Konsep ajaran sesat menurut perundangan syariah negara pula pada dasarnya adalah dikategorikan di bawah beberapa peruntukan dalam Akta 559, iaitu antaranya melibatkan pemujaan salah, doktrin palsu, mengembangkan ajaran selain Islam kepada orang Islam serta dakwaan palsu sebagai nabi atau wali. Oleh itu, ajaran sesat bukan sahaja menggugat akidah umat Islam, tetapi turut menjadi ancaman kepada keharmonian dan keselamatan masyarakat Islam di negara ini.

Selanjutnya, dapatan kajian juga merumuskan bahawa terdapat pelbagai isu dan cabaran telah dikenal pasti untuk menguatkuasakan perundangan mengenai ajaran sesat di negara ini. Dalam hal ini, isu dan cabaran yang paling ketara adalah melibatkan kekurangan kepakaran dalam kalangan pegawai penguatkuasa agama serta kekangan tenaga kerja di bahagian penguatkuasaan agama. Selain itu, wujud isu yang timbul daripada sudut kelengkapan risikan serta cabaran penyiasatan di alam siber. Dalam masa yang sama, undang-undang sedia ada masih belum komprehensif dan memerlukan pindaan bagi memperincikan elemen kesalahan serta memasukkan peruntukan jenayah syariah di alam maya. Cabaran-cabaran ini menjadi semakin ketara apabila berhadapan dengan gerakan ajaran sesat yang semakin licik dan tersusun dalam menjalankan aktiviti mereka.

Sehubungan dengan itu, pemerkasaan tenaga kerja penguatkuasa agama melalui latihan berkala, penambahan perjawatan, penyediaan kelengkapan khas, serta skim perjawatan yang lebih spesifik adalah antara cadangan penting yang perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Begitu juga dengan keperluan pindaan Akta 559 dan RUU

355 bagi mempertingkatkan hukuman agar dapat memberi kesedaran dan pencegahan lebih berkesan. Manakala dalam konteks yang lebih luas, peranan masyarakat juga tidak boleh diketepikan dalam usaha membanteras ajaran sesat melalui laporan dan sokongan kepada pihak berkuasa. Di samping itu, jalinan kerjasama antara institusi agama, masyarakat serta agensi kerajaan secara bersepadu adalah kunci bagi menjaga kesucian akidah umat Islam. Menerusi pendekatan holistik yang merangkumi kerjasama semua lapisan masyarakat dan institusi, usaha membanteras ajaran sesat dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh, berkesan, dan memberi impak yang berpanjangan demi menjaga kesucian akidah umat Islam.

Rujukan

- Abdul Hamid & Abdul Haris (2002), Sejarah perkembangan ajaran sesat di Hulu Besut, Terengganu / by Abdul Haris bin A. Hamid. Masters thesis, University of Malaya.
- Ahmad Hidayat Buang (2011), Fatwa Ajaran Sesat dari Sudut Undang-undang dan Cabaran Pembanterasannya di Malaysia : *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*.
- al-Irsyad Jabatan Mufti Negeri Johor, Fatwa mengenai Penyelewengan Ajaran Risalah Bab Kesucian Yang Dibawa Oleh Wayang Hadi Kesumo (Hadi Minallah) melalui Kumpulan Nur Mutiara Mutmainnah, diakses daripada https://said.johor.gov.my/perkhidmatan/paparan_detail_fatwa.php?id=217 27/6/2023.
- Azmah Manaf (2017), *Ajaran Taslim Manifestasi Krisis Kepercayaan Masyarakat Melayu*. In: Persidangan Nasional Sejarah Dan Sejarahwan Malaysia 2017 Memperkasa Sejarah Nasional Dalam Melestarikan Pembangunan Negara. Universiti Sains Malaysia.
- Berita Harian Online, "58 didakwa berkaitan ajaran Millah Ibrahim," diakses daripada: <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/11/2016/02/120540/58-didakwa-berkaitan-ajaran-millah-ibrahim> 2/7/2023.
- Berita Harian Online, "Kerajaan siasat 20 ajaran sesat termasuk 8 dipantau secara dekat," diakses daripada: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1314825/kerajaan-siasat-20-ajaran-sesat-termasuk-8-dipantau-secara-dekat>.
- e-Fatwa Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Fatwa mengenai Kursus ESQ Leadership Training, diakses di: <https://efatwa.muftiwp.gov.my/fatwa/7f9db81cec00a862e773ce4545e20090?> 23/6/2023.
- Engku Ahmad Zaki (2019), Ajaran Sesat Menurut Perspektif Al-Quran, Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah: Menghadapi Cabaran Semasa, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- e-Sumber Maklumat Fatwa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Fatwa Tentang Kandungan Buku "Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Maunah Malaysia Seni Bela Diri

- Warisan Islam (Sumber Kekuatan Batin)" Karangan Syeikh Muhamad Amin bin Mohd Razali., diakses di: <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/10985> 7/6/2023.
- e-Sumber Maklumat Fatwa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Fatwa Ajaran Abdul Kahar bin Ahmad Jalal, diakses di: <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/12141> 7/6/2023.
- Fathin Shahirah, Wafaa' Yusof & Nurbazla Ismail (2018), Justifikasi Keperluan Penahanan Reman Menurut Perundangan Islam dan Sivil, *Jurnal Fiqh* No.15.
- Imam Jamaluddin Al-Faraj Abdul Rahman Bin Al-Jauzi (1983), *Talbis Iblis*. Maktabah Al-Madani, Kairo. Cet 1983M.
- Kamaruddin Salleh & Sharafuddin Zainal Ariffin (2021), Ajaran (Sesat) Harun Bin Mat Saat: Analisis Ajaran, Perkembangan dan Pengaruhnya di Kuantan, Pahang: Jurnal YADIM, Vol.1, No.1.
- Khairil Ahsraf Md Khalid, "47 Kes Ajaran Sesat Dilaporkan Sejak Januari Tahun Lalu", Sinar Harian, <https://www.sinarharian.com.my/article/169207/berita/semasa/47-kes-ajaran-sesat-dilaporkan-sejak-januari-tahun-lalu> , diterbitkan pada 28 Oktober 2021, 6 April 2023.
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) (2015), *Ajaran Sesat: Merungkai Kekusutan dan Kecelaruan*, Selangor, Zainon Kassim Sdn Bhd.
- Mohamed Farid Noh (2022), Ajaran sesat Hadi Minallah dikesan cuba disebar di Kota Tinggi, *Berita Harian Online*, diakses di: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/08/988310/ajaran-sesat-hadi-minallah-dikesan-cuba-disebar-di-kota-tinggi> 7/6/2023.
- Mohamed Fathillah, M. F., Mohd Noor, M. S., Abdullah, M. Y. M., & Mohammad, N. (2020). Kesedaran Terhadap Pengaruh Rakan dalam Sebaran Kefahaman Syiah: Kajian Kes dalam Kalangan Pelatih-Pelatih Institut Pendidikan Guru di Selangor: Awareness of The Influence of Partners in The Spread of Syiah Understanding: A Case Study Among The Institute of Teacher Education in Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(2), 178–192. Retrieved from <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/54>
- Mohamed Fathillah, M. F., Niteh, M. Y., @Ahmad, A. B., Mohd Noor, M. S., & Shahabudin, M. F. R. (2023). Amalan Istitabah dalam Pelaksanaan Pemulihan Akidah di Malaysia: Istitabah Practices in the Implementation of Faith Restoration in Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(1), 1–8. <https://doi.org/10.53840/jpi.v16i1.232>
- Norafiza Jaafar, "56 ajaran difatwakan sesat di Wilayah Persekutuan", Sinar Harian, <https://www.sinarharian.com.my/article/674071/edisi/selangor-kl/56-ajaran-difatwakan-sesat-di-wilayah-persekutuan>, diterbitkan pada 09 Julai 2024, 06 Mac 2025.

- Noor Raihan Jusidin & Zuliza Mohd Kusrin (2018), Penyebaran Doktrin Ajaran Sesat di Alam Siber: Al-Qanatr: *International Journal of Islamic Studies*. Vol. 10. No. 1.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2012), Fatwa-fatwa Mufti Wilayah Persekutuan 1987 – 2010, Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Siti Aisyah Samudin & Aisyah Mohd Chabidi (2023), Kajian Isu Keluar Islam di Malaysia: Kebebasan Beragama atau Jenayah Syariah, *Jurnal Pengajian Islam*, Jil. 16, Bil. 2.
- Siti Zubaidah Ismail (2010), Menangani Ajaran Sesat di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran, *Jurnal Syariah*, Jil.18, Bil. 2.
- Siti Zubaidah Ismail (2017), *Undang - Undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Wafaa' Yusof & Anita Rahim (2016), Tatacara Penahanan Pra Perbicaraan Jenayah Syariah di Malaysia: Analisis Menurut Pandangan Fuqaha, *Journal of Contemporary Islamic Law*, Vol. 1 (1).
- Warta Kerajaan Persekutuan mengenai Ajaran Hizbut Tahrir, Jabatan Peguam Negara, 30 Oktober 2019, P.U. (B) 550.
- Warta Kerajaan Persekutuan mengenai Ajaran ilmu Makrifat Mohd Yusof Cik Wook Yang Dibawa Haji Shaari bin Mohd Yusof, Jabatan Peguam Negara, 28 Mac 2022 P.U. (B) 185.
- Warta Kerajaan Persekutuan mengenai Ajaran Ilmu Tajalli Haji Laksamana bin Omar, Jabatan Peguam Negara, 13 Januari 2023 P.U. (B) 13.
- Warta Kerajaan Persekutuan mengenai Ajaran Masitah binti Ab Jalar @ Kumpulan Perjalanan Mimpi Yang Terakhir , Jabatan Peguam Negara, 11 Januari 2023 P.U. (B) 8.
- Warta Kerajaan Persekutuan mengenai Ajaran Millah Abraham@Ibrahim, Jabatan Peguam Negara, 28 Disember 2016, P.U. (B) 524.
- Warta Kerajaan Persekutuan mengenai Ajaran yang dibawa oleh Wan Hizam bin Abdullah Sabil, Jabatan Peguam Negara, 30 November 2020 P.U. (B) 650.
- Warta Kerajaan Persekutuan mengenai Ajaran Zikir Nafas dan Ilmu Syahadah oleh Ismail bin Kassim daripada Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT), Jabatan Peguam Negara, 30 Oktober 2019, P.U. (B) 524.
- Warta Kerajaan Persekutuan mengenai aktiviti dan kedudukan Raja Bomoh Sedunia Ibrahim Mat Zin, Jabatan Peguam Negara, 30 Oktober 2019, P.U. (B) 550.
- Yusof Zaki Yaacob (1960), *Pembongkaran Rahsia Subud*. Kelantan: Pustaka Dian Press. Dipetik dari Ahmad Hidayat Buang (ed.)(2004), *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya.

Zahidi Teh. Ariffin Ismail. Mustakim Mahamood et al. (2016). Manhaj Ahli Sunnah Wa Al-Jamaah Dalam Akidah. Jawatankuasa Pemikir Isu Islam Semasa, terbitan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri.

Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2016), Bayan Linnas Siri Ke-5-: Ajaran Millah Ibrahim@Abraham, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, diakses di: <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/1831-bayan-linnas-siri-ke-50-ajaran-millah-ibrahim-abraham> 7/6/2023.

Statut

Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993.

Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560)

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997

Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965

Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA)

Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593)

Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan 2019 (I)

Kes

Abdul Kahar Ahmad v. Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan; Kerajaan Malaysia & Anor. [2008] 4 CLJ 309.

Kes Jenayah Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Bil: 14200-147-0004-2014, 14200-147-0016-2014, 14200-107-0012-2014, 14200-147-0010-2014, 14200-147-0012-2014

Responden

Peserta Kajian A, Penolong Pegawai Kanan Cawangan Operasi Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI). Temubual pada 15 Jun 2023.

Peserta Kajian B, Ketua Pegawai Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI). Temubual pada 13 Jun 2023.

Peserta Kajian C, Penolong Pengarah Kanan, Cawangan Siasatan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI). Temubual pada 15 Jun 2023.